



**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

12 OKTOBER 2021


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 707 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 206,755 kes. Sebanyak 13 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Kota Kinabalu, dua (2) kes di Tuaran, Sandakan, dan Keningau manakala Semporna, Tenom, Kinabatangan dan Pitas masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 428 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 193,873 orang. Manakala 2,356 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 961 orang di hospital, 1,386 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lima (5) orang di Pusat Tahanan Sementara(PTS) / Penjara manakala empat (4) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 123 orang merangkumi 108 di ICU/repurposed kritikal care serta 15 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 39 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 183 (52.74%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Kalabakan berubah dari zon jingga ke zon merah.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Sabah mencatatkan peningkatan kes yang agak tinggi pada hari ini iaitu sebanyak (707) kes, pertambahan sebanyak (+175) kes.
- b Banyak daerah di Sabah mencatatkan peningkatan kes, yakni 19 daerah, dan cuma lapan (8) daerah mencatatkan penurunan kes.
- c Terdapat 10 daerah yang mencatatkan peningkatan kes yang signifikan iaitu Kudat (+34) kes, Pitas (+31) kes, Lahad Datu (+26) kes, Putatan (+21) kes, Kota Marudu (+19) kes, Tawau (+17) kes, Beaufort (+17) kes, Keningau (+13) kes, Kalabakan (+11) kes dan Kota Belud (+10) kes.
- d Antara daerah pula yang mencatatkan penurunan kes ialah, Kota Kinabalu (-19) kes, Tenom (-17) kes dan Ranau (-14) kes.
- e Walaupun jumlah kes kumulatif hari ini ialah (707) kes, tetapi dengan mengambilkira keputusan saringan yang lewat didaftar dua hari keatas, jumlah kes sebenar yang berlaku dalam masa 24 jam lalu hanyalah (460) kes atau 65.06% daripada jumlah kes kumulatif.
- f Daripada jumlah kes jangkitan baru yang direkodkan hari ini, 9.62% adalah daripada Kategori 1 dan 86.14% adalah daripada Kategori 2. Jumlah pesakit Kategori 3, lima (5) kes, tiga (3) kes dalam Kategori 4 dan juga tiga (3) kes dalam Kategori 5. Sebanyak (19) kes masih dalam siasatan lanjut.

g Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (379) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	267	37.77%
3	Kontak	379	53.61%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	61	8.62%
<b>JUMLAH</b>		<b>707</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (11 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 11/10/2021	Catatan Kes 12/10/2021	Perbandingan
1	Kudat	18	52	+34
2	Pitas	5	36	+31
3	Lahad Datu	19	45	+26
4	Putatan	22	43	+21
5	Kota Marudu	18	37	+19
6	Tawau	21	38	+17
7	Beaufort	6	23	+17
8	Keningau	38	51	+13
9	Kalabakan	0	11	+11
10	Kota Belud	53	63	+10
11	Tuaran	24	33	+9
12	Sipitang	6	14	+8
13	Kinabatangan	2	10	+8
14	Tongod	3	9	+6
15	Beluran	6	11	+5
16	Kunak	3	7	+4
17	Semporna	5	8	+3
18	Nabawan	7	9	+2
19	Sandakan	28	30	+2
20	Kota Kinabalu	74	55	-19
21	Tenom	34	17	-17
22	Ranau	55	41	-14
23	Penampang	34	28	-6
24	Papar	20	15	-5
25	Kuala Penyu	4	0	-4
26	Tambunan	12	9	-3
27	Telupid	15	12	-3
<b>JUMLAH</b>		<b>532</b>	<b>707</b>	<b>+175</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (28 September – 11 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Belud	0	35	25	0	3	63	780
Kota Kinabalu	0	33	16	0	6	55	1,201
Kudat	0	43	9	0	0	52	365
Keningau	0	34	14	0	3	51	737
Lahad Datu	0	14	24	0	7	45	654
Putatan	0	13	27	0	3	43	260
Ranau	0	20	12	0	9	41	796
Tawau	0	17	17	0	4	38	407
Kota Marudu	0	12	19	0	6	37	617
Pitas	0	24	11	0	1	36	345
Tuaran	0	22	10	0	1	33	530
Sandakan	0	8	14	0	8	30	559
Penampang	0	15	12	0	1	28	417
Beaufort	0	18	5	0	0	23	247
Tenom	0	11	5	0	1	17	503
Papar	0	9	5	0	1	15	429
Sipitang	0	6	8	0	0	14	192
Telupid	0	10	2	0	0	12	148
Beluran	0	8	3	0	0	11	203
Kalabakan	0	1	8	0	2	11	44
Kinabatangan	0	3	6	0	1	10	279
Tambunan	0	8	1	0	0	9	169
Nabawan	0	5	3	0	1	9	200
Tongod	0	5	2	0	2	9	136
Semporna	0	1	6	0	1	8	134
Kunak	0	4	3	0	0	7	133
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	61
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>379</b>	<b>267</b>	<b>0</b>	<b>61</b>	<b>707</b>	<b>10,546</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tiada Catatan Kluster		

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,571 unit

- Hospital 1,991 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,110 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 35.85%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 12 OKTOBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	701
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	5
<b>Jumlah</b>	<b>707</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Perak	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	683
Bukan Malaysia	24
<b>Jumlah</b>	<b>707</b>

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	134
Belum Menerima Vaksin	135
Menerima 1 Dos	41
Lengkap 2 Dos	397
<b>Jumlah</b>	<b>707</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	13
1 to 5	55
6 to 11	66
12 to 17	50
18 to 25	103
26 to 59	345
>60	75
<b>Jumlah</b>	<b>707</b>

**C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH**

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 12 Oktober 2021)
1	Ranau	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>

## **D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 11 Oktober 2021 adalah seramai 41,979 orang. Daripada jumlah ini, seramai 15,003 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 26,976 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 11 Oktober 2021 adalah seramai 2,380,981 orang. Ini meliputi 2,079,569 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.4% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,055,483 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,939,517 orang atau 70.3% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 301,412 orang atau 70.7% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 115,966 atau 27.0% orang setakat ini.

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **650,389** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 32 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 13,539 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 19 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 65 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 18 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 10 Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
  - Dua (2) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - Enam (6) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 163 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 23 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan empat (4) tangkapan dibuat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Akta Perikanan 1985, satu (1) tangkapan di bawah enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan dua (2) tangkapan di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 951 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 477 premis perniagaan dan 581 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di GSS N More, 88 Marketplace (1 Orang) dan Oitom Enterprise, 88 Marketplace (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 300 Premis Perniagaan melibatkan 177 anggota APM. Sejumlah 22 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 17 premis, melibatkan 13 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 115 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 88 hebahan di seluruh Sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	98%
2	Kunak	98%
3	Beluran	98%
4	Beaufort	98%
5	Papar	97.5%
6	Semporna	97.5%
7	Kota Belud	97.5%
8	Penampang	97.5%
9	Lahad Datu	97.5%
10	Tawau	97.5%
11	Sandakan	97.5%
12	Tenom	97.5%
13	Tuaran	97.5%
14	Kota Marudu	97%
15	Kota Kinabalu	97%
16	Keningau	97%
17	Ranau	97%
18	Kinabatangan	97%
19	Kudat	97%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**